

**D.R. 20/2008**

**RANG UNDANG-UNDANG MAKANAN HAIWAN 2008**

SUSUNAN FASAL

BAHAGIAN I

**PERMULAAN**

**Fasal**

1. Tajuk ringkas, pemakaian dan permulaan kuat kuasa
2. Tafsiran

BAHAGIAN II

**LEMBAGA MAKANAN HAIWAN**

3. Penubuhan Lembaga Makanan Haiwan
4. Fungsi dan kuasa Lembaga
5. Jawatankuasa
6. Perwakilan fungsi dan kuasa Lembaga
7. Kuasa Menteri untuk memberikan arahan
8. Mesyuarat Lembaga

BAHAGIAN III

**PELESENAN**

9. Larangan terhadap pengimportan makanan haiwan dan bahan tambahan makanan haiwan
10. Permohonan dan pengeluaran lesen
11. Keengganan untuk mengeluarkan lesen
12. Pembaharuan lesen
13. Lesen tidak boleh dipindah milik
14. Penggantungan atau pembatalan lesen
15. Rayuan kepada Menteri
16. Kuasa mahkamah untuk memerintahkan pembatalan lesen

*Rang Undang-Undang*

## BAHAGIAN IV

**SPEKIFIKASI MAKANAN HAIWAN DAN SYARAT BAGI PENYIMPANAN,  
PENSTORAN. PEMBUNGKUSAN, PELABELAN DAN  
PENGANGKUTAN YANG SEPATUTNYA****Fasal**

17. Pematuhan spesifikasi
18. Pematuhan syarat-syarat bagi penyimpanan, penstoran, pembungkusan, pelabelan dan pengangkutan yang sepatutnya

## BAHAGIAN V

**KAWALAN PENGGUNAAN ANTIBIOTIK, HORMON DAN BAHAN  
KIMIA LAIN**

19. Cara dan takat pemasangan
20. Pemilikan makanan haiwan atau bahan tambahan makanan haiwan yang mengandungi antibiotik, dsb.

## BAHAGIAN VI

**PENGUATKUASAAN**

21. Pegawai diberi kuasa
22. Kad kuasa
23. Kuasa penangkapan
24. Penggeledahan dan penyitaan dengan waran
25. Penggeledahan dan penyitaan tanpa waran
26. Kuasa untuk memasuki premis
27. Capaian kepada data berkomputer
28. Kuasa untuk memberhentikan, menggeledah dan menyita pengangkut
29. Senarai benda yang disita
30. Kuasa penyiasatan
31. Pegawai diberi kuasa boleh meminta bantuan untuk memeriksa benda yang berkaitan dengan kesalahan
32. Kuasa untuk mengambil sampel
33. Penetapan makmal
34. Pelantikan juruanalisis
35. Perakuan analisis

**Fasal**

36. Pemeriksaan atau pengujian makanan haiwan atau bahan tambahan makanan haiwan yang disita
37. Tiada kos atau ganti rugi yang berbangkit daripada penyitaan boleh didapatkan
38. Kuasa Lembaga untuk menghendaki maklumat mengenai makanan haiwan atau bahan tambahan makanan haiwan
39. Pelepasan atau pelupusan makanan haiwan, bahan tambahan makanan haiwan, dsb.
40. Pelucuthakan atau pelepasan makanan haiwan, dsb. yang disita

BAHAGIAN VII

AM

41. Kesalahan oleh pekongsi, ejen atau pekhidmat
42. Kesalahan oleh pertubuhan perbadanan
43. Tidak mematuhi perintah yang sah
44. Maklumat dan pemberi maklumat tidak boleh didedahkan
45. Perlindungan terhadap prosiding undang-undang
46. Pengkompaunan kesalahan
47. Memberikan atau membuat maklumat atau pernyataan palsu
48. Gangguan terhadap tanda rasmi
49. Halangan terhadap pegawai diberi kuasa dalam melaksanakan tugasnya
50. Kerahsiaan
51. Bidang kuasa untuk membicarakan kesalahan
52. Pendakwaan
53. Kuasa untuk membuat peraturan-peraturan
54. Peruntukan peralihan

## RANG UNDANG-UNDANG

*b e r n a m a*

Suatu Akta untuk menubuhkan Lembaga Makanan Haiwan, untuk mengawal selia kualiti makanan haiwan dengan mengawal pengimportan, pembuatan, penjualan dan penggunaan makanan haiwan dan bahan tambahan makanan haiwan, untuk memastikan bahawa makanan haiwan memenuhi keperluan nutrien bagi haiwan dan tidak tercemar supaya haiwan dan keluaran haiwan selamat untuk dimakan oleh manusia dan selamat untuk kegunaan lain, dan bagi perkara-perkara lain yang bersampingan dengannya.

[ ]

**DIPERBUAT** oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

## BAHAGIAN I

## PERMULAAN

**Tajuk ringkas, pemakaian dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Makanan Haiwan 2008.

(2) Akta ini terpakai hanya bagi Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan.

(3) Akta ini mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*, dan Menteri boleh menetapkan tarikh yang berlainan bagi permulaan kuat kuasa peruntukan yang berlainan dalam Akta ini.

**Tafsiran**

2. Dalam Akta ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain —

"antibiotik" ertinya sesuatu bahan yang dihasilkan oleh mikroorganisma atau apa-apa keluaran lain yang dihasilkan secara keseluruhannya atau sebahagiannya melalui sintesis kimia dan yang dalam kepekatan yang rendah merencatkan pertumbuhan atau membunuh mikroorganisma, dan digunakan bagi maksud merangsang pertumbuhan dan mencegah penyakit;

"bahan kimia" termasuk antioksidan, bahan awet, agen pengikat, bahan pewarna, agen perasa dan ubat bukan antibiotik;

"bahan tambahan makanan haiwan" ertinya apa-apa ramuan yang ditambah, termasuk mikroorganisma dan enzim yang biasanya tidak digunakan sebagai makanan haiwan dengan sendirinya, sama ada ia mempunyai nilai nutrien atau tidak, yang menjejaskan ciri-ciri makanan haiwan atau keluaran haiwan;

"bungkusan" ertinya apa-apa benda yang di dalamnya atau dengannya makanan haiwan atau bahan tambahan makanan haiwan dimasukkan, dibalut, ditutup atau diisi;

"ditetapkan" ertinya ditetapkan oleh Menteri melalui perintah atau peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini;

"haiwan" ertinya —

- (a) mana-mana mamalia selain manusia;
- (b) mana-mana haiwan akuatik dan termasuk ikan, moluska dan krustasea;
- (c) mana-mana amfibia;
- (d) mana-mana reptilia;
- (e) mana-mana burung dan termasuk ayam, itik, burung puyuh dan burung unta; dan
- (f) mana-mana serangga,

yang dipelihara dalam kurungan atau di bawah kawalan bagi apa-apa maksud kegunaan manusia;

"hormon" ertinya sesuatu bahan kimia yang diperoleh daripada kelenjar endokrin atau melalui proses sintetik yang mempunyai kesan tertentu terhadap tisu;

"juruanalisis" ertinya seseorang yang berkelayakan yang dilantik oleh Menteri di bawah seksyen 34;

"label" ertinya apa-apa perkara bertulis, bercetak atau grafik yang menerangkan kandungan apa-apa makanan haiwan pada bungkusan atau selainnya pada makanan haiwan itu, atau yang disertakan bersama dengan makanan haiwan itu;

"Lembaga" ertinya Lembaga Makanan Haiwan yang ditubuhkan di bawah seksyen 3;

"makanan haiwan" ertinya apa-apa bahan tunggal atau pelbagai sama ada diproses, separuh diproses atau mentah, yang bertujuan untuk diberi makan kepada haiwan;

"Menteri" ertinya Menteri yang dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab bagi pertanian dan industri asas tani;

"pegawai diberi kuasa" ertinya seorang pegawai awam yang diberi kuasa oleh Menteri di bawah seksyen 21;

"pembuatan" berhubung dengan makanan haiwan, ertinya merumuskan, menyediakan, menyebatkan, mencampurkan, membuat, membungkus, melabel atau mengolah makanan haiwan itu dengan tujuan untuk menjualnya atau untuk kegunaan sendiri tetapi tidak termasuk penyelidikan atau uji kaji *bona fide* yang berhubung dengan makanan haiwan dan apa-apa tindakan yang menjadi sebahagian daripada atau yang bersampingan dengan penyelidikan atau uji kaji itu;

"pengangkut" ertinya apa-apa kenderaan, vesel, kapal, pesawat udara atau apa-apa cara pengangkutan yang lain sama ada melalui udara, laut atau darat;

"penjualan" termasuk barter atau bekalan di bawah perkiraan perladangan kontrak bersepadu.

## BAHAGIAN II

## LEMBAGA MAKANAN HAIWAN

**Penubuhan Lembaga Makanan Haiwan**

3. (1) Suatu badan yang dikenali sebagai Lembaga Makanan Haiwan hendaklah ditubuhkan dan hendaklah terdiri daripada anggota yang berikut:

- (a) Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar, yang hendaklah menjadi Pengerusi;
- (b) seorang pegawai kanan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani yang dilantik oleh Menteri;
- (c) seorang pegawai kanan Jabatan Pertanian yang dilantik oleh Menteri;
- (d) seorang pegawai kanan Jabatan Perikanan yang dilantik oleh Menteri;
- (e) seorang pegawai kanan Jabatan Perkhidmatan Veterinar yang dilantik oleh Menteri;
- (f) seorang pegawai kanan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia yang dilantik oleh Menteri;
- (g) Ketua Pengarah Jabatan Perkhidmatan Farmasi, Kementerian Kesihatan, atau wakilnya;
- (h) Pengarah Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan, Kementerian Kesihatan, atau wakilnya;
- (i) seorang pegawai kanan Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia yang dilantik oleh Menteri;
- (j) Ketua Pengarah Jabatan Kimia Malaysia, atau wakilnya;
- (k) seorang pegawai kanan daripada suatu institusi pengajian tinggi yang dilantik oleh Menteri;
- (l) Ketua Pengarah Jabatan Standard, atau wakilnya;
- (m) Pengarah Jabatan Perkhidmatan Haiwan dan Perusahaan Ternak Sabah, yang hendaklah menjadi anggota *ex-officio*; dan
- (n) Ketua Penolong Pengarah Veterinar, Jabatan Pertanian Sarawak, yang hendaklah menjadi anggota *ex-officio*.

(2) Menteri hendaklah melantik seorang pegawai kanan Jabatan Perkhidmatan Veterinar untuk menjadi Setiausaha Lembaga.

(3) Tertakluk kepada apa-apa syarat sebagaimana yang dinyatakan dalam surat cara pelantikannya, seseorang anggota Lembaga yang dilantik oleh Menteri hendaklah, melainkan jika dia terlebih dahulu meletakkan atau mengosongkan jawatannya atau pelantikannya terlebih dahulu dibatalkan, memegang jawatan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun dan anggota itu layak untuk dilantik semula.

(4) Menteri boleh, berkenaan dengan setiap anggota yang dilantik olehnya, melantik seorang anggota silih ganti untuk menghadiri, sebagai ganti anggota itu, mesyuarat Lembaga sekiranya anggota itu tidak dapat hadir atas apa-apa sebab.

(5) Apabila menghadiri mesyuarat Lembaga, seseorang anggota silih ganti hendaklah, bagi segala maksud, disifatkan sebagai seorang anggota Lembaga.

#### **Fungsi dan kuasa Lembaga**

4. (1) Fungsi Lembaga adalah seperti yang berikut:

- (a) untuk mentadbirkan, menguatkuasakan dan memastikan pelaksanaan yang berkesan Akta ini;
- (b) untuk menasihati Menteri dalam membuat peraturan-peraturan di bawah Akta ini;
- (c) untuk mengawal selia kualiti dan keselamatan makanan haiwan dan bahan tambahan makanan haiwan;
- (d) untuk mengawal selia industri makanan haiwan, terutamanya dalam pembuatan, pengedaran, penggunaan dan pengimportan makanan haiwan dan bahan tambahan makanan haiwan; dan
- (e) untuk melaksanakan program jaminan kualiti dan keselamatan bagi makanan haiwan.

(2) Lembaga hendaklah mempunyai kuasa untuk melakukan segala perkara yang suai manfaat atau yang semunasabahnya perlu bagi atau berkaitan dengan atau bersampingan dengan pelaksanaan fungsinya.

(3) Tanpa menjejaskan keluasan subseksyen (2), Lembaga hendaklah mempunyai kuasa—

- (a) untuk menjalankan tinjauan dan siasatan berkenaan dengan industri makanan haiwan;
- (b) untuk menghendaki mana-mana orang yang berurusan dengan makanan haiwan atau bahan tambahan makanan haiwan untuk mengemukakan laporan;
- (c) untuk mengawal selia pengimportan makanan haiwan dan bahan tambahan makanan haiwan; dan
- (d) untuk mencegah apa-apa tindakan fraud berkaitan dengan pembuatan, pembekalan dan penjualan makanan haiwan dan bahan tambahan makanan haiwan.

#### **Jawatankuasa**

5. Lembaga boleh menubuhkan jawatankuasa, yang terdiri daripada orang yang bukan anggota Lembaga, untuk menasihati dan membantu Lembaga dalam melaksanakan fungsinya dan menjalankan kuasanya.

#### **Pewakilan fungsi dan kuasa Lembaga**

6. Lembaga boleh, tertakluk kepada apa-apa syarat dan sekatan yang boleh dikenakan olehnya, mewakilkan kepada jawatankuasa yang ditubuhkan di bawah seksyen 5 atau kepada mana-mana pegawai awam, mana-mana fungsi atau kuasanya selain kuasa perwakilan ini.

#### **Kuasa Menteri untuk memberikan arahan**

7. Menteri boleh, dari semasa ke semasa, memberi Lembaga arahan yang selaras dengan peruntukan Akta ini dan Lembaga hendaklah melaksanakan segala arahan itu.

#### **Mesyuarat Lembaga**

8. (1) Lembaga hendaklah bermesyuarat pada masa dan di tempat sebagaimana yang ditentukan oleh Pengerusi.

(2) Pada mana-mana mesyuarat Lembaga, enam orang anggota hendaklah membentuk kuorum.

(3) Pengerusi hendaklah menguruskan semua mesyuarat Lembaga.

(4) Jika Pengerusi tidak hadir pada sesuatu mesyuarat Lembaga, anggota yang hadir hendaklah melantik salah seorang daripada mereka untuk menguruskan mesyuarat itu.

(5) Pengerusi atau anggota lain yang menguruskan mesyuarat hendaklah mempunyai satu undi biasa dan hendaklah, sekiranya terdapat bilangan undi yang sama banyak, mempunyai undi pemutus.

(6) Lembaga boleh mengundang mana-mana orang untuk menghadiri mana-mana mesyuarat Lembaga, tetapi orang itu tidak berhak untuk mengundi pada mesyuarat itu.

(7) Tertakluk kepada seksyen ini, Lembaga boleh mengawal selia tatacaranya sendiri.

### BAHAGIAN III

#### PELESENAN

#### **Larangan terhadap pengimportan makanan haiwan dan bahan tambahan makanan haiwan**

**9.** (1) Tiada seorang pun boleh mengimport apa-apa makanan haiwan atau bahan tambahan makanan haiwan melainkan jika dia memiliki lesen yang sah di bawah Akta ini.

(2) Walau apa pun subseksyen (1), Menteri boleh, melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*, melarang sama ada sepenuhnya atau dengan syarat, pengimportan, dari mana-mana negara atau wilayah atau mana-mana bahagian mana-mana negara atau wilayah, apa-apa makanan haiwan atau bahan tambahan makanan haiwan yang mungkin membawa penyakit atau menjejaskan kesihatan haiwan atau manusia atau kedua-duanya.

(3) Mana-mana orang yang mengimport apa-apa makanan haiwan atau bahan tambahan makanan haiwan tanpa suatu lesen atau dengan melanggar perintah Menteri di bawah subseksyen (2) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya dan bagi kesalahan kedua atau yang berikutnya, didenda tidak melebihi dua ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi empat tahun atau kedua-duanya.

### **Permohonan dan pengeluaran lesen**

**10.** (1) Sesuatu permohonan untuk mendapatkan lesen untuk mengimport makanan haiwan atau bahan tambahan makanan haiwan hendaklah dibuat kepada Lembaga—

- (a) mengikut cara yang ditentukan oleh Lembaga; dan
- (b) dengan mengemukakan bersama dengan permohonan itu apa-apa maklumat, butiran atau dokumen sebagaimana yang dikehendaki oleh Lembaga.

(2) Jika sesuatu permohonan untuk mendapatkan lesen diluluskan, lesen itu hendaklah dikeluarkan atas nama pemohon lesen itu apabila fi yang ditetapkan dibayar dan Lembaga boleh mengenakan apa-apa terma dan syarat sebagaimana yang difikirkannya perlu.

(3) Sesuatu lesen yang dikeluarkan di bawah seksyen ini hendaklah, melainkan jika digantung atau dibatalkan, sah bagi suatu tempoh yang habis tempohnya tidak lewat daripada penghujung tahun kalendar lesen itu bermula, dan hendaklah tamat apabila habis tempoh itu.

### **Keengganan untuk mengeluarkan lesen**

**11.** Lembaga tidak boleh mengeluarkan suatu lesen untuk mengimport makanan haiwan atau bahan tambahan makanan haiwan di bawah Akta ini—

- (a) jika negara asal yang darinya makanan haiwan atau bahan tambahan makanan haiwan itu akan diimport tidak diketahui;

- (b) jika spesifikasi makanan haiwan atau bahan tambahan makanan haiwan itu tidak diperuntukkan atau tidak mematuhi spesifikasi yang ditetapkan;
- (c) jika Lembaga mempunyai alasan yang munasabah untuk mempercayai bahawa makanan haiwan atau bahan tambahan makanan haiwan yang akan diimport itu tercemar atau berkemungkinan membawa penyakit dan menyebabkan kesihatan haiwan atau manusia terjejas; atau
- (d) jika mana-mana lesen atau perakuan lain yang perlu bagi pengimportan sebagaimana yang dikehendaki di bawah mana-mana undang-undang bertulis lain tidak diperolehi.

### **Pembaharuan lesen**

**12.** (1) Pemegang lesen boleh memohon untuk memperbaharui lesen tidak lewat daripada tiga puluh hari sebelum tarikh habis tempoh lesen itu—

- (a) mengikut cara yang ditentukan oleh Lembaga; dan
- (b) dengan mengemukakan bersama dengan permohonan itu apa-apa maklumat, butiran atau dokumen sebagaimana yang dikehendaki oleh Lembaga.

(2) Apabila sesuatu permohonan untuk memperbaharui lesen diluluskan oleh Lembaga, lesen itu hendaklah diperbaharui apabila fi yang ditetapkan dibayar, dan Lembaga boleh mengubah terma dan syarat lesen itu atau mengenakan terma dan syarat tambahan.

(3) Lembaga boleh enggan untuk memperbaharui sesuatu lesen jika pemegang lesen—

- (a) tidak mematuhi mana-mana peruntukan Akta ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawah Akta ini; atau
- (b) tidak mematuhi apa-apa terma atau syarat lesen.

### **Lesen tidak boleh dipindah milik**

**13.** (1) Sesuatu lesen untuk mengimport makanan haiwan atau bahan tambahan makanan haiwan yang dikeluarkan di bawah Akta ini tidak boleh dipindah milik.

(2) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) atau mana-mana orang yang menggunakan lesen orang lain melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga bulan atau kedua-duanya, dan bagi kesalahan kedua atau yang berikutnya, didenda tidak melebihi dua puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

### **Penggantungan atau pembatalan lesen**

**14.** (1) Lembaga boleh menggantung atau membatalkan suatu lesen untuk mengimport makanan haiwan atau bahan tambahan makanan haiwan di bawah mana-mana hal keadaan yang berikut:

- (a) pemegang lesen tidak mematuhi mana-mana peruntukan Akta ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawah Akta ini;
- (b) pemegang lesen tidak mematuhi apa-apa terma atau syarat lesen;
- (c) pemegang lesen telah mendapatkan lesen itu secara tidak wajar atau dengan menyalahi undang-undang; atau
- (d) telah berlaku apa-apa perbuatan atau peninggalan oleh pemegang lesen atau telah wujud suatu perubahan dalam hal keadaan sehingga menyebabkan pemegang lesen itu tidak lagi berhak untuk diberi lesen di bawah Akta ini.

(2) Sebelum Lembaga membuat keputusan di bawah subseksyen (1), Lembaga hendaklah memberi pemegang lesen itu—

- (a) suatu notis bertulis mengenai niat untuk menggantung atau membatalkan lesen itu; dan
- (b) suatu peluang untuk membuat representasi bertulis dalam suatu tempoh yang dinyatakan dalam notis bertulis itu yang hendaklah tidak kurang daripada empat belas hari dari tarikh notis itu.

(3) Lembaga hendaklah, selepas menimbangkan representasi yang dibuat oleh pemegang lesen di bawah subseksyen (2), jika ada, memutuskan sama ada untuk menggantung lesen itu bagi apa-apa tempoh atau untuk membatalkan lesen itu.

(4) Lembaga hendaklah memberi pemegang lesen suatu notis bertulis mengenai keputusannya di bawah subseksyen (3) seberapa segera yang dapat dilaksanakan.

(5) Jika suatu lesen digantung di bawah subseksyen (3), Lembaga boleh menghendaki pemegang lesen untuk meremedikan kemungkiran atau pelanggaran itu dalam tempoh yang dinyatakan dalam notis yang dikeluarkan di bawah subseksyen (4) dan jika difikirkan perlu oleh Lembaga, ia boleh mengenakan terma dan syarat tambahan ke atas lesen itu.

(6) Jika Lembaga berpuas hati bahawa pemegang lesen tidak meremedikan kemungkiran atau pelanggaran itu dalam tempoh yang dinyatakan atau pemegang lesen telah melanggar terma dan syarat tambahan di bawah subseksyen (5), atau kemungkiran atau pelanggaran itu berterusan selepas lesen itu digantung di bawah subseksyen (3), Lembaga hendaklah membatalkan lesen itu.

(7) Pemegang lesen yang lesennya—

- (a) digantung atau dibatalkan tidak berhak kepada apa-apa pampasan bagi apa-apa kerugian yang dialaminya kerana penggantungan atau pembatalan lesen di bawah Akta ini; dan
- (b) dibatalkan tidak berhak kepada apa-apa bayaran balik fi yang ditetapkan yang dibayar di bawah seksyen 10 atau 12.

### **Rayuan kepada Menteri**

**15.** (1) Mana-mana orang yang terkilang dengan keengganan Lembaga untuk mengeluarkan atau memperbaharui mana-mana lesen, atau dengan penggantungan atau pembatalan mana-mana lesen, boleh merayu kepada Menteri mengikut cara yang ditetapkan terhadap keengganan, penggantungan atau pembatalan itu dalam tempoh tiga puluh hari dari tarikh keengganan, penggantungan atau pembatalan itu.

(2) Menteri boleh, selepas menimbang rayuan itu, membuat apa-apa perintah yang difikirkannya patut dan perintah itu adalah muktamad.

**Kuasa mahkamah untuk memerintahkan pembatalan lesen**

**16.** (1) Jika mana-mana orang disabitkan atas sesuatu kesalahan di bawah Akta ini, mahkamah boleh, sebagai tambahan kepada penalti yang boleh dikenakan olehnya, memerintahkan supaya lesen orang itu dibatalkan.

(2) Jika mana-mana orang yang kepadanya suatu lesen telah dikeluarkan di bawah Akta ini disabitkan atas kesalahan kedua atau yang berikutnya di bawah Akta ini, mahkamah boleh, sebagai tambahan kepada penalti yang boleh dikenakan, mengarahkan supaya orang itu hilang kelayakan untuk memegang suatu lesen di bawah Akta ini bagi suatu tempoh tidak melebihi lima tahun sebagaimana yang ditentukan oleh mahkamah.

(3) Mana-mana orang yang mendapatkan atau cuba untuk mendapatkan suatu lesen semasa dia hilang kelayakan di bawah subseksyen (2) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu bulan atau kedua-duanya dan bagi kesalahan kedua atau yang berikutnya, didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga bulan atau kedua-duanya.

## BAHAGIAN IV

SPESIFIKASI MAKANAN HAIWAN DAN SYARAT BAGI  
PENYIMPANAN, PENSTORAN, PEMBUNGKUSAN,  
PELABELAN DAN PENGANGKUTAN YANG SEPATUTNYA**Pematuhan spesifikasi**

**17.** (1) Semua makanan haiwan yang diimport, dibuat, diedarkan, dimiliki, dijual atau digunakan untuk diberi makan kepada haiwan hendaklah mematuhi spesifikasi makanan haiwan yang ditetapkan.

(2) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya, dan bagi kesalahan kedua atau yang berikutnya, didenda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

**Pematuhan syarat-syarat bagi penyimpanan, penstoran, pembungkusan, pelabelan dan pengangkutan yang sepatutnya**

**18.** (1) Semua makanan haiwan atau bahan tambahan makanan haiwan yang disimpan, distor, dibungkus, dilabel atau diangkut hendaklah mematuhi syarat yang ditetapkan bagi penyimpanan, penstoran, pembungkusan, pelabelan dan pengangkutan yang sepatutnya bagi makanan haiwan atau bahan tambahan makanan haiwan.

(2) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya, dan bagi kesalahan kedua atau yang berikutnya, didenda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

BAHAGIAN V

KAWALAN PENGGUNAAN ANTIBIOTIK, HORMON DAN  
BAHAN KIMIA LAIN

**Cara dan takat pemasukan**

**19.** (1) Tiada seorang pun boleh—

- (a) membubuh apa-apa antibiotik, hormon atau bahan kimia lain ke dalam makanan haiwan; atau
- (b) memasukkan apa-apa antibiotik, hormon atau bahan kimia lain secara langsung atau melalui bahantara ke dalam haiwan,

melainkan mengikut cara yang ditetapkan dan pada takat yang ditetapkan.

(2) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya, dan bagi kesalahan kedua atau yang berikutnya, didenda tidak melebihi dua ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi empat tahun atau kedua-duanya.

(3) Walau apa pun subseksyen (1), apa-apa antibiotik, hormon atau bahan kimia lain boleh dibubuh ke dalam makanan haiwan atau dimasukkan secara langsung atau melalui bahantara ke dalam haiwan, pada takat yang lebih tinggi daripada takat yang ditetapkan jika dipreskripsikan sedemikian oleh seorang doktor veterinar secara bertulis dan hanya bagi maksud rawatan, pengawalan atau pembasmian penyakit.

(4) Bagi maksud seksyen ini, seorang doktor veterinar ertinya seorang doktor veterinar sebagaimana yang ditakrifkan dalam Akta Doktor Veterinar 1974 [*Akta 147*].

**Pemilikan makanan haiwan atau bahan tambahan makanan haiwan yang mengandungi antibiotik, dsb.**

**20.** (1) Tiada seorang pun boleh memiliki apa-apa makanan haiwan atau bahan tambahan makanan haiwan yang mengandungi antibiotik, hormon atau bahan kimia lain yang pencampurannya tidak dibenarkan di bawah Akta ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawah Akta ini.

(2) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya, dan bagi kesalahan kedua atau yang berikutnya, didenda tidak melebihi dua ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi empat tahun atau kedua-duanya.

BAHAGIAN VI

PENGUATKUASAAN

**Pegawai diberi kuasa**

**21.** (1) Menteri boleh melantik secara bertulis apa-apa bilangan pegawai awam untuk menjadi pegawai diberi kuasa sebagaimana yang difikirkannya perlu bagi maksud Akta ini.

(2) Seseorang pegawai diberi kuasa boleh menjalankan semua kuasa yang terletak hak padanya di bawah Akta ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawah Akta ini.

**Kad kuasa**

22. (1) Maka hendaklah dikeluarkan kepada setiap pegawai diberi kuasa suatu kad kuasa yang hendaklah ditandatangani oleh Pengerusi Lembaga.

(2) Apabila seseorang pegawai diberi kuasa menjalankan mana-mana kuasa di bawah Akta ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawah Akta ini, dia hendaklah apabila diminta mengemukakan kepada orang yang terhadapnya kuasa itu sedang dijalankan kad kuasa yang dikeluarkan kepadanya di bawah subseksyen (1).

**Kuasa penangkapan**

23. (1) Seseorang pegawai diberi kuasa boleh menangkap tanpa waran mana-mana orang yang melakukan atau cuba untuk melakukan, atau yang dengan semunasabahnya disyaki oleh pegawai diberi kuasa sebagai melakukan atau cuba untuk melakukan, mana-mana kesalahan di bawah Akta ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawah Akta ini jika orang itu enggan memberikan nama atau alamatnya atau memberikan alamatnya sebagai di luar Malaysia atau ada alasan yang munasabah untuk mempercayai bahawa orang itu telah memberikan nama atau alamat palsu atau orang itu mungkin melarikan diri.

(2) Jika mana-mana orang telah ditangkap di bawah subseksyen (1), orang itu hendaklah selepas itu diperlakukan sebagaimana yang diperuntukkan oleh Kanun Tatacara Jenayah [Akta 593].

**Pengeledahan dan penyitaan dengan waran**

24. (1) Jika seseorang Majistret mendapati, atas maklumat bertulis bersumpah daripada seseorang pegawai diberi kuasa dan selepas apa-apa siasatan sebagaimana yang difikirkan perlu oleh Majistret itu, bahawa ada sebab yang munasabah untuk mempercayai bahawa—

- (a) mana-mana premis telah digunakan atau akan digunakan bagi; atau
- (b) ada di dalam mana-mana premis keterangan yang perlu bagi perjalanan siasatan mengenai,

pelakuan suatu kesalahan di bawah Akta ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawah Akta ini, Majistret boleh mengeluarkan suatu waran yang memberi kuasa mana-mana pegawai diberi kuasa yang dinamakan dalam waran itu, pada bila-bila masa yang munasabah, sama ada pada waktu siang atau malam dan dengan atau tanpa bantuan, untuk memasuki premis itu dan jika perlu dengan menggunakan kekerasan.

(2) Waran yang dikeluarkan di bawah subseksyen (1) boleh memberi kuasa pegawai diberi kuasa untuk—

- (a) menggeledah premis, dan menyita apa-apa makanan haiwan, bahan tambahan makanan haiwan, bekas, bungkusan, pengangkut, peralatan, buku, dokumen atau benda lain yang dengan semunasabahnya dipercayai dapat memberikan keterangan mengenai pelakuan kesalahan itu;
- (b) mengambil sampel apa-apa makanan haiwan, bahan tambahan makanan haiwan atau benda lain yang dijumpai di dalam premis itu bagi maksud menentukan dengan ujian atau selainnya, sama ada kesalahan itu telah dilakukan; dan
- (c) membuat salinan atau mengambil cabutan daripada apa-apa buku, rekod, dokumen atau benda lain yang dijumpai di dalam premis itu.

(3) Seseorang pegawai diberi kuasa yang memasuki mana-mana premis di bawah seksyen ini boleh membawa bersama-samanya mana-mana orang lain dan kelengkapan sebagaimana yang didapatinya perlu.

(4) Seseorang pegawai diberi kuasa boleh, pada menjalankan kuasanya di bawah seksyen ini, jika perlu untuk berbuat demikian—

- (a) memecah buka mana-mana pintu luar atau dalam premis itu atau mana-mana pagar, kepungan, pintu pagar atau halangan lain ke premis itu, untuk masuk ke dalam premis itu;
- (b) mengalihkan dengan menggunakan kekerasan apa-apa halangan kepada kemasukan, penggeledahan, penyitaan dan pengalihan sebagaimana yang dia diberi kuasa untuk melakukannya di bawah seksyen ini; dan
- (c) menahan mana-mana orang yang dijumpai di dalam premis itu sehingga penggeledahan itu selesai.

(5) Jika oleh sebab jenis, saiz atau amaunnya, tidaklah praktik untuk mengalihkan apa-apa makanan haiwan, bahan tambahan makanan haiwan, bekas, bungkusan, pengangkut, buku, dokumen atau benda lain yang disita di bawah seksyen ini, pegawai diberi kuasa itu hendaklah mengelak pengangkut, bekas atau premis yang di dalamnya makanan haiwan, bahan tambahan makanan haiwan, bekas, bungkusan, buku, dokumen atau benda lain itu dijumpai.

### **Pengeledahan dan penyitaan tanpa waran**

**25.** Apabila seseorang pegawai diberi kuasa mempunyai sebab yang munasabah untuk mempercayai bahawa apa-apa makanan haiwan, bahan tambahan makanan haiwan, bekas, bungkusan, pengangkut, buku, dokumen atau benda lain yang berkenaan dengannya suatu kesalahan telah dilakukan mungkin dijumpai di dalam atau pada mana-mana tempat, premis, orang atau pengangkut dan bahawa oleh sebab kelengahan dalam mendapatkan waran di bawah seksyen 24 matlamat pengeledahan mungkin terkecewa, dia boleh, tanpa waran, dengan apa-apa bantuan dan kekerasan sebagaimana yang perlu—

- (a) memasuki dan menggeledah tempat atau premis itu;
- (b) memberhentikan dan memeriksa orang atau pengangkut itu; dan
- (c) menyita apa-apa makanan haiwan, bahan tambahan makanan haiwan, bekas, bungkusan, pengangkut, buku, dokumen atau benda lain yang mungkin dijumpai dan boleh menjadi keterangan bagi kesalahan itu.

### **Kuasa untuk memasuki premis**

**26.** Walau apa pun seksyen 24 dan 25, seseorang pegawai diberi kuasa boleh pada bila-bila masa memasuki mana-mana premis bagi maksud—

- (a) memeriksa apa-apa makanan haiwan, bahan tambahan makanan haiwan, bekas, bungkusan, pengangkut, buku, dokumen atau benda lain sebagaimana yang difikirkannya perlu;
- (b) mengesahkan ketepatan rekod atau pernyataan atau apa-apa maklumat yang diberikan kepada pegawai diberi kuasa; atau

- (c) mengambil sampel apa-apa makanan haiwan, bahan tambahan makanan haiwan atau bahan lain yang dijumpai di dalam premis itu bagi maksud menentukan, melalui ujian atau selainnya, sama ada suatu kesalahan telah dilakukan.

### **Capaian kepada data berkomputer**

27. (1) Mana-mana pegawai diberi kuasa yang menjalankan pengeledahan di bawah Akta ini hendaklah diberi capaian kepada data berkomputer sama ada yang disimpan dalam sesuatu komputer atau selainnya.

(2) Bagi maksud seksyen ini, pegawai diberi kuasa hendaklah diberi kata laluan, kod penyulitan, kod penyahsulitan, perisian atau perkakasan yang perlu atau apa-apa cara lain yang dikehendaki bagi capaiannya untuk membolehkan pemahaman data berkomputer itu.

### **Kuasa untuk memberhentikan, menggeledah dan menyita pengangkut**

28. (1) Jika seseorang pegawai diberi kuasa mempunyai sebab yang munasabah untuk mengesyaki bahawa mana-mana pengangkut membawa apa-apa makanan haiwan, bahan tambahan makanan haiwan, bekas, bungkusan, buku, dokumen atau benda lain yang berkenaan dengannya suatu kesalahan di bawah Akta ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawah Akta ini, sedang atau telah dilakukan, dia boleh memberhentikan dan memeriksa pengangkut itu dan boleh, jika pada pemeriksaan itu dia mempunyai sebab yang munasabah untuk mempercayai bahawa pengangkut itu sedang atau telah digunakan untuk melakukan kesalahan itu, menyita pengangkut itu dan apa-apa makanan haiwan, bahan tambahan makanan haiwan, bekas, bungkusan, buku, dokumen atau benda lain yang dijumpai di dalam pengangkut itu yang semunasabahnya dipercayai dapat memberikan keterangan mengenai pelakuan kesalahan itu.

(2) Orang yang mengawal atau menjaga pengangkut itu hendaklah, jika dikehendaki untuk berbuat demikian oleh pegawai diberi kuasa itu —

- (a) memberhentikan pengangkut itu dan membenarkan pegawai diberi kuasa itu memeriksa pengangkut itu; dan

(b) membuka semua bahagian pengangkut itu untuk diperiksa dan mengambil segala langkah yang perlu untuk membolehkan atau memudahkan perjalanan pemeriksaan itu sebagaimana yang didapati perlu oleh pegawai diberi kuasa itu.

(3) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (2) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga bulan atau kedua-duanya.

### **Senarai benda yang disita**

**29.** (1) Jika apa-apa penyitaan dibuat di bawah Akta ini, pegawai diberi kuasa yang membuat penyitaan itu hendaklah menyediakan suatu senarai makanan haiwan, bahan tambahan makanan haiwan, bekas, bungkusan, pengangkut, buku, dokumen atau benda lain yang disita dan premis tempat ia dijumpai dan hendaklah menandatangani senarai itu.

(2) Senarai yang disediakan mengikut subseksyen (1) hendaklah diserahkan dengan serta-merta kepada—

(a) penghuni premis tempat makanan haiwan, bahan tambahan makanan haiwan, bekas, bungkusan, buku, dokumen atau benda lain yang disita itu dijumpai; dan

(b) orang yang mengawal atau menjaga pengangkut itu, jika penyitaan itu dibuat di bawah seksyen 28.

(3) Jika penyitaan itu dibuat di dalam atau dari mana-mana premis yang tidak dihuni, pegawai diberi kuasa itu hendaklah bila mana mungkin menampalkan senarai benda yang disita itu dengan cara yang mudah dilihat di premis itu.

(4) Jika makanan haiwan, bahan tambahan makanan haiwan, bekas, bungkusan, pengangkut, buku, dokumen atau benda lain itu disita selain di dalam atau dari mana-mana premis, pegawai diberi kuasa yang membuat penyitaan itu hendaklah memberikan suatu notis secara bertulis mengenai penyitaan itu dan alasan penyitaan itu kepada pemunya makanan haiwan, bahan tambahan makanan haiwan, bekas, bungkusan, pengangkut, buku, dokumen atau benda lain yang disita itu dengan menyerahkan suatu salinan notis itu kepada pemunya itu sendiri atau melalui pos ke tempat perniagaan atau kediamannya.

(5) Notis di bawah subseksyen (4) tidak perlu diberikan jika penyitaan itu dibuat daripada pemunya, dalam kehadiran pemunya atau dengan pengetahuan pemunya.

### **Kuasa penyiasatan**

**30.** (1) Seseorang pegawai diberi kuasa hendaklah mempunyai segala kuasa yang perlu untuk menjalankan penyiasatan pelakuan sesuatu kesalahan di bawah Akta ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawah Akta ini.

(2) Bagi maksud subseksyen (1), Kanun Tatacara Jenayah hendaklah terpakai dan seseorang pegawai diberi kuasa hendaklah mempunyai segala kuasa yang diperuntukkan di bawah Kanun Tatacara Jenayah.

### **Pegawai diberi kuasa boleh meminta bantuan untuk memeriksa benda yang berkaitan dengan kesalahan**

**31.** Seseorang pegawai diberi kuasa boleh meminta bantuan mana-mana orang untuk memeriksa apa-apa makanan haiwan, bahan tambahan makanan haiwan, bekas, bungkusan, pengangkut, buku, dokumen atau benda lain yang disita atau ditahan di bawah Akta ini jika orang itu mempunyai kelayakan yang perlu untuk memeriksa makanan haiwan, bahan tambahan makanan haiwan, bekas, bungkusan, pengangkut, buku, dokumen atau benda lain itu bagi maksud sesuatu penyiasatan di bawah Akta ini.

### **Kuasa untuk mengambil sampel**

**32.** (1) Seorang pegawai diberi kuasa boleh meminta, memilih, mengambil atau mendapatkan sampel apa-apa makanan haiwan atau bahan tambahan makanan haiwan bagi maksud penganalisan tanpa bayaran daripada mana-mana orang yang mengimport, membuat, mengedarkan, menjual, menggunakan atau memiliki makanan haiwan atau bahan tambahan makanan haiwan itu, atau ejen atau pekhidmatnya yang daripadanya makanan haiwan atau bahan tambahan makanan haiwan itu didapatkan.

(2) Tatacara bagi pengambilan dan berurusan dengan sampel hendaklah sebagaimana yang ditetapkan.

**Penetapan makmal**

33. Menteri boleh menetapkan makmal sebagaimana yang difikirkannya patut bagi maksud Akta ini.

**Pelantikan juruanalisis**

34. Menteri boleh melantik mana-mana orang yang berkelayakan untuk menjadi juruanalisis bagi maksud menjalankan analisis di bawah Akta ini.

**Perakuan analisis**

35. (1) Suatu perakuan analisis yang ditandatangani oleh seorang juruanalisis hendaklah, apabila dikemukakan oleh Pendakwa Raya dalam mana-mana perbicaraan di bawah Akta ini, menjadi keterangan yang mencukupi mengenai fakta yang dinyatakan dalam perakuan itu melainkan jika tertuduh menghendaki supaya juruanalisis itu dipanggil sebagai seorang saksi, dan dalam hal itu dia hendaklah memberikan notis bertulis kepada Pendakwa Raya tidak kurang daripada tiga hari genap sebelum permulaan perbicaraan itu.

(2) Jika Pendakwa Raya berhasrat untuk memberikan apa-apa perakuan yang disebut dalam subseksyen (1) sebagai keterangan dia hendaklah menyerahkan suatu salinan perakuan itu kepada tertuduh tidak kurang daripada sepuluh hari genap sebelum permulaan perbicaraan itu.

**Pemeriksaan atau pengujian makanan haiwan atau bahan tambahan makanan haiwan yang disita**

36. (1) Apabila apa-apa makanan haiwan atau bahan tambahan makanan haiwan disita di bawah Akta ini, adalah mencukupi untuk membuka dan memeriksa lima peratus sahaja daripada setiap perihalan bungkusan atau bekas yang di dalamnya makanan haiwan atau bahan tambahan makanan haiwan itu terkandung.

(2) Jika perlu dilakukan ujian terhadap mana-mana makanan haiwan atau bahan tambahan makanan haiwan yang disita di bawah Akta ini, adalah mencukupi untuk hanya menguji suatu

sampel yang tidak melebihi lima peratus daripada jumlah atau berat makanan haiwan atau bahan tambahan makanan haiwan yang diperiksa di bawah subseksyen (1).

(3) Mahkamah hendaklah menganggap bahawa makanan haiwan atau bahan tambahan makanan haiwan yang terkandung di dalam bungkusan atau bekas yang tidak dibuka adalah daripada jenis, bilangan dan mutu yang sama seperti yang dijumpai di dalam bungkusan atau bekas yang serupa yang telah dibuka.

### **Tiada kos atau ganti rugi yang berbangkit daripada penyitaan boleh didapatkan**

37. Tiada seorang pun, dalam mana-mana prosiding di hadapan mana-mana mahkamah berkenaan dengan penyitaan apa-apa makanan haiwan, bahan tambahan makanan haiwan, bekas, bungkusan, pengangkut, buku, dokumen atau benda lain yang disita pada menjalankan atau berupa sebagai menjalankan apa-apa kuasa yang diberikan oleh Akta ini, berhak untuk mendapatkan kos prosiding itu atau apa-apa ganti rugi atau relief lain melainkan jika penyitaan itu dibuat tanpa sebab yang munasabah.

### **Kuasa Lembaga untuk menghendaki maklumat mengenai makanan haiwan atau bahan tambahan makanan haiwan**

38. (1) Lembaga boleh menghendaki mana-mana orang yang menjalankan apa-apa aktiviti yang melibatkan makanan haiwan atau bahan tambahan makanan haiwan supaya mengemukakan kepada Lembaga, dalam masa yang ditetapkan dalam suatu notis, apa-apa maklumat berkaitan dengan makanan haiwan atau bahan tambahan makanan haiwan itu.

(2) Mana-mana orang yang tidak mengemukakan maklumat sebagaimana yang dikehendaki oleh Lembaga di bawah subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga bulan atau kedua-duanya.

### **Pelepasan atau pelupusan makanan haiwan, bahan tambahan makanan haiwan, dsb.**

39. (1) Jika apa-apa makanan haiwan, bahan tambahan makanan haiwan, bekas, bungkusan, pengangkut, buku, dokumen atau

benda lain telah disita di bawah Akta ini, seseorang pegawai diberi kuasa boleh—

- (a) melepaskan bekas, bungkusan, pengangkut, buku, dokumen atau benda lain yang disita itu kepada pemunya atau kepada orang yang daripada milik, jagaan atau kawalannya ia disita, atau kepada mana-mana orang yang difikirkan oleh pegawai diberi kuasa berhak kepadanya, tertakluk kepada apa-apa terma dan syarat yang dikenakan oleh pegawai diberi kuasa itu, dan tertakluk dalam apa-apa jua hal, kepada pemberian jaminan yang mencukupi yang memuaskan hati pegawai diberi kuasa itu bahawa bekas, bungkusan, pengangkut, buku, dokumen atau benda lain yang disita itu akan diserahkan kepada pegawai diberi kuasa itu apabila permintaan dibuat oleh pegawai diberi kuasa itu dan bahawa terma dan syarat tersebut, jika ada, akan dipatuhi;
- (b) melepaskan makanan haiwan, bahan tambahan makanan haiwan, bekas, bungkusan, pengangkut, buku, dokumen atau benda lain itu kepada pemunya atau kepada orang yang daripada milik, jagaan atau kawalannya ia disita, atau kepada mana-mana orang yang difikirkan oleh pegawai diberi kuasa berhak kepadanya, dengan kebebasan diberikan kepada orang yang kepadanya ia dilepaskan sedemikian untuk melupuskannya, tertakluk kepada apa-apa terma dan syarat yang dikenakan oleh pegawai diberi kuasa itu, dan tertakluk, dalam apa-apa jua hal, kepada pemberian jaminan yang mencukupi yang memuaskan hati pegawai diberi kuasa itu dalam jumlah yang tidak kurang daripada jumlah yang pada pendapat pegawai diberi kuasa itu melambangkan—
  - (i) nilai pasaran terbuka makanan haiwan, bahan tambahan makanan haiwan, bekas, bungkusan, pengangkut, buku, dokumen atau benda lain itu pada tarikh ia dilepaskan sedemikian;
  - (ii) duti kastam yang kena dibayar berkenaan dengannya, jika ada; dan
  - (iii) cukai yang kena dibayar berkenaan dengannya di bawah mana-mana undang-undang bertulis, jika ada, bagi bayaran jumlah yang dijamin sedemikian kepada Lembaga sekiranya mahkamah membuat perintah melucuthakkan jumlah itu di bawah Akta ini; atau

(c) menjual atau memusnahkan, sebagaimana yang sesuai dalam hal keadaan itu, makanan haiwan, bahan tambahan makanan haiwan, bekas, bungkusan atau benda lain yang, pada pendapat pegawai diberi kuasa itu, ialah jenis yang mudah musnah atau mungkin cepat merosot mutu atau nilainya, dan jika ia dijual sedemikian, pegawai diberi kuasa itu hendaklah memegang hasil jualan itu sementara menunggu keputusan apa-apa pendakwaan atau tuntutan.

(2) Mana-mana orang yang —

- (a) apabila diminta tidak menyerahkan kepada seseorang pegawai diberi kuasa apa-apa bekas, bungkusan, pengangkut, buku, dokumen atau benda lain yang telah dilepaskan kepadanya di bawah perenggan (1)faj; atau
- (b) tidak mematuhi atau melanggar mana-mana terma atau syarat yang dikenakan di bawah perenggan (1)(a) atau (b),

melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga bulan atau kedua-duanya.

(3) Liabiliti jenayah mana-mana orang di bawah subseksyen (2) hendaklah sebagai tambahan kepada apa-apa liabiliti lain yang ditanggung oleh orang itu atau mana-mana orang lain di bawah terma-terma dan syarat-syarat yang berhubungan dengan pelepasan apa-apa bekas, bungkusan, pengangkut, buku, dokumen atau benda lain di bawah perenggan (1)(a) atau apa-apa makanan haiwan, bahan tambahan makanan haiwan, bekas, bungkusan, pengangkut, buku, dokumen atau benda lain di bawah perenggan (1)(b).

**Pelucuthakan atau pelepasan makanan haiwan, dsb. yang disita**

**40.** (1) Apa-apa makanan haiwan, bahan tambahan makanan haiwan, bekas, bungkusan, pengangkut, buku, dokumen atau benda lain yang disita pada menjalankan mana-mana kuasa di bawah Akta ini boleh dilucuthakkan.

(2) Suatu perintah bagi pelucuthakan makanan haiwan, bahan tambahan makanan haiwan, bekas, bungkusan, pengangkut, buku,

dokumen atau benda lain yang disita hendaklah dibuat jika dibuktikan sehingga memuaskan hati mahkamah bahawa suatu kesalahan di bawah Akta ini telah dilakukan dan bahawa makanan haiwan, bahan tambahan makanan haiwan, bekas, bungkusan, pengangkut, buku, dokumen atau benda lain yang disita itu merupakan hal perkara atau digunakan dalam melakukan kesalahan itu, walaupun tiada orang telah disabitkan atas kesalahan itu.

(3) Jika tidak ada pendakwaan berkenaan dengan apa-apa makanan haiwan, bahan tambahan makanan haiwan, bekas, bungkusan, pengangkut, buku, dokumen atau benda lain yang disita di bawah Akta ini, makanan haiwan, bahan tambahan makanan haiwan, bekas, bungkusan, pengangkut, buku, dokumen atau benda lain itu hendaklah diambil dan disifatkan terlucut hak apabila habis tempoh tiga puluh hari dari tarikh penyampaian notis ke alamat yang terakhir diketahui orang yang daripadanya makanan haiwan, bahan tambahan makanan haiwan, bekas, bungkusan, pengangkut, buku, dokumen atau benda lain itu disita yang menyatakan bahawa tiada pendakwaan berkenaan dengan makanan haiwan, bahan tambahan makanan haiwan, bekas, bungkusan, pengangkut, buku, dokumen atau benda lain itu melainkan jika sebelum habis tempoh itu suatu tuntutan baginya telah dibuat mengikut cara yang dinyatakan dalam subseksyen (4), (5), (6) dan (7).

(4) Mana-mana orang yang menegaskan bahawa dia ialah pemunya makanan haiwan, bahan tambahan makanan haiwan, bekas, bungkusan, pengangkut, buku, dokumen atau benda lain yang disebut dalam subseksyen (3) dan bahawa makanan haiwan, bahan tambahan makanan haiwan, bekas, bungkusan, pengangkut, buku, dokumen atau benda lain itu tidak boleh dilucuthakkan boleh, memberi sendiri atau melalui ejennya yang diberi kuasa secara bertulis notis bertulis kepada pegawai diberi kuasa yang dalam jagaannya makanan haiwan, bahan tambahan makanan haiwan, bekas, bungkusan, pengangkut, buku, dokumen atau benda lain itu dipegang bahawa dia menuntut makanan haiwan, bahan tambahan makanan haiwan, bekas, bungkusan, pengangkut, buku, dokumen atau benda lain itu.

(5) Apabila notis yang disebut dalam subseksyen (4) diterima, pegawai diberi kuasa hendaklah merujuk tuntutan itu kepada seorang Majistret bagi mendapatkan keputusannya.

(6) Majistret yang kepadanya sesuatu perkara dirujukkan di bawah subseksyen (5) hendaklah mengeluarkan suatu saman yang

menghendaki orang yang menegaskan bahawa dia ialah pemunya makanan haiwan, bahan tambahan makanan haiwan, bekas, bungkusan, pengangkut, buku, dokumen atau benda lain itu dan orang yang daripadanya ia disita hadir di hadapannya, dan apabila mereka hadir atau apabila mereka tidak hadir, setelah dibuktikan bahawa saman itu telah disampaikan dengan sewajarnya, Majistret hendaklah meneruskan pemeriksaan perkara itu.

(7) Jika dibuktikan bahawa suatu kesalahan di bawah Akta ini telah dilakukan dan bahawa makanan haiwan, bahan tambahan makanan haiwan, bekas, bungkusan, pengangkut, buku, dokumen atau benda lain itu yang disebut dalam subseksyen (6) merupakan hal perkara bagi atau telah digunakan dalam pelakuan kesalahan itu, maka Majistret hendaklah memerintahkan supaya makanan haiwan, bahan tambahan makanan haiwan, bekas, bungkusan, pengangkut, buku, dokumen atau benda lain itu dilucuthakkan, dan hendaklah, jika tiada bukti sedemikian, memerintahkan pelepasannya.

(8) Apa-apa makanan haiwan, bahan tambahan makanan haiwan, bekas, bungkusan, pengangkut, buku, dokumen atau benda lain yang dilucuthakkan atau disifatkan terlucut hak hendaklah dihantarserahkan kepada pegawai diberi kuasa itu dan hendaklah dilupuskan mengikut arahan Lembaga.

## BAHAGIAN VII

### AM

#### **Kesalahan oleh pekongsi, ejen atau pekhidmat**

**41.** Mana-mana orang yang boleh dikenakan mana-mana penalti di bawah Akta ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawah Akta ini bagi apa-apa perbuatan, peninggalan, keabaiian atau keingkaran, jika perbuatan, peninggalan, keabaiian atau keingkaran itu dilakukan olehnya sendiri boleh dikenakan penalti yang sama jika perbuatan, peninggalan, keabaiian atau keingkaran itu dilakukan oleh pekongsi, ejen atau pekhidmatnya melainkan jika dia membuktikan —

- (a) bahawa perbuatan, peninggalan, keabaiian atau keingkaran itu dilakukan tanpa pengetahuannya, keizinannya atau pembiarannya; dan

- (b) bahawa dia telah mengambil segala langkah berjaga-jaga yang munasabah dan telah menjalankan usaha yang wajar untuk mencegah perbuatan, peninggalan, keabaian atau keingkaran itu.

#### **Kesalahan oleh pertubuhan perbadanan**

42. Jika sesuatu pertubuhan perbadanan melakukan suatu kesalahan di bawah Akta ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawah Akta ini, maka mana-mana orang yang pada masa pelakuan kesalahan itu ialah seorang pengarah, ketua pegawai eksekutif, pengurus, setiausaha atau pegawai lain seumpamanya dalam pertubuhan perbadanan itu atau yang berupa sebagai bertindak atas mana-mana sifat sedemikian atau yang mengikut apa-apa cara atau sehingga apa-apa takat bertanggungjawab bagi pengurusan apa-apa hal ehwal pertubuhan perbadanan itu atau yang membantu dalam pengurusan sedemikian hendaklah, dan juga pertubuhan perbadanan itu, disifatkan telah melakukan kesalahan itu melainkan jika dia membuktikan bahawa kesalahan itu telah dilakukan tanpa pengetahuannya, keizinannya atau pembiarannya dan bahawa dia telah mengambil segala langkah berjaga-jaga yang munasabah dan telah menjalankan usaha yang wajar untuk mengelakkan pelakuan kesalahan itu.

#### **Tidak mematuhi perintah yang sah**

43. Mana-mana orang yang tidak mematuhi apa-apa perintah bertulis yang dikeluarkan oleh Menteri atau Lembaga atau mana-mana pegawai diberi kuasa melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu bulan atau kedua-duanya, dan bagi kesalahan kedua atau yang berikutnya, didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga bulan atau kedua-duanya.

#### **Maklumat dan pemberi maklumat tidak boleh didedahkan**

44. (1) Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan dalam seksyen ini, tiada saksi dalam mana-mana prosiding sivil atau jenayah menurut Akta ini boleh dikehendaki atau dibenarkan mendedahkan nama atau alamat mana-mana pemberi maklumat atau isi dan jenis maklumat yang diterima daripadanya atau menyatakan apa-apa perkara yang mungkin menyebabkan dia diketahui.

(2) Jika sesuatu buku atau dokumen yang menjadi keterangan atau yang boleh diperiksa dalam mana-mana prosiding sivil atau jenayah mengandungi apa-apa catatan yang mungkin menyebabkan dia diketahui, mahkamah hendaklah menyebabkan semua catatan itu ditutup daripada penglihatan atau dipadam hanya setakat yang perlu untuk melindungi pemberi maklumat itu daripada diketahui.

(3) Jika dalam sesuatu perbicaraan bagi sesuatu kesalahan di bawah Akta ini mahkamah, selepas siasatan penuh tentang kes itu, berpendapat bahawa pemberi maklumat itu dengan sengaja membuat dalam aduannya suatu pernyataan material yang dia tahu atau percaya adalah palsu atau tidak percaya adalah benar, atau jika dalam mana-mana prosiding lain mahkamah berpendapat bahawa keadilan tidak dapat dilaksanakan sepenuhnya antara pihak-pihak dalam prosiding itu tanpa mengetahui pemberi maklumat itu, maka sah bagi mahkamah untuk menghendaki pengemukaan aduan asal, jika bertulis, dan membenarkan siasatan dan menghendaki pendedahan sepenuhnya tentang pemberi maklumat itu.

### **Perlindungan terhadap prosiding undang-undang**

**45.** Tiada tindakan atau pendakwaan boleh dibawa, dimulakan atau dikekalkan dalam mana-mana mahkamah terhadap—

- (a) mana-mana anggota Lembaga, juruanalisis atau mana-mana pegawai diberi kuasa bagi atau atas sebab atau berkenaan dengan apa-apa perbuatan yang diperintahkan atau yang dilakukan bagi maksud melaksanakan Akta ini; dan
- (b) mana-mana orang lain bagi atau atas sebab atau berkenaan dengan apa-apa perbuatan yang dilakukan atau berupa sebagai dilakukan olehnya di bawah perintah, arahan atau suruhan Menteri, Lembaga atau mana-mana pegawai lain yang diberi kuasa dengan sewajarnya di bawah Akta ini,

jika perbuatan itu dilakukan dengan suci hati dan kepercayaan munasabah bahawa perbuatan itu perlu bagi maksud yang diniatkan untuk dicapai olehnya.

**Pengkompaunan kesalahan**

46. (1) Pegawai diberi kuasa boleh, dengan keizinan Pendakwa Raya, mengkompaun apa-apa kesalahan yang dilakukan oleh mana-mana orang di bawah Akta ini atau di bawah peraturan-peraturan yang dibuat di bawahnya dan ditetapkan oleh Menteri sebagai kesalahan boleh kompaun dengan membuat suatu tawaran bertulis kepada orang itu untuk mengkompaunkan kesalahan itu apabila dibayar kepada pegawai diberi kuasa suatu jumlah yang tidak melebihi lima puluh peratus daripada jumlah denda maksimum bagi kesalahan itu dalam tempoh yang dinyatakan dalam tawaran itu.

(2) Suatu tawaran di bawah subseksyen (1) boleh dibuat pada bila-bila masa selepas kesalahan itu dilakukan, tetapi sebelum apa-apa pendakwaan ke atasnya dimulakan.

(3) Jika jumlah yang dinyatakan dalam tawaran itu tidak dibayar dalam tempoh yang dinyatakan dalam tawaran itu atau dalam apa-apa tempoh lanjutan yang diberikan oleh pegawai diberi kuasa, pendakwaan ke atas kesalahan itu boleh dimulakan pada bila-bila masa selepas itu terhadap orang yang kepadanya tawaran itu dibuat.

(4) Jika sesuatu kesalahan telah dikompaunkan di bawah subseksyen (1), tiada pendakwaan boleh dimulakan berkenaan dengan kesalahan itu terhadap orang yang kepadanya tawaran itu dibuat dan apa-apa makanan haiwan, bahan tambahan makanan haiwan atau hasil penjualannya, atau apa-apa bekas, bungkusan, pengangkut, buku, dokumen atau benda lain yang disita berkaitan dengan kesalahan itu boleh dilepaskan atau dilucuthakkan oleh pegawai diberi kuasa menurut apa-apa terma dan syarat kompaun itu.

**Memberikan atau membuat maklumat atau pernyataan palsu**

47. Mana-mana orang yang memberikan maklumat atau membuat suatu pernyataan menurut kehendak Akta ini, yang palsu dalam apa-apa butir yang material, melainkan jika dia membuktikan bahawa dia tidak mengetahui dan tiada sebab untuk mengesyaki bahawa maklumat atau pernyataan itu palsu dan telah mengambil segala langkah yang munasabah untuk memastikan kebenaran

maklumat atau pernyataan itu, melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga bulan atau kedua-duanya, dan bagi kesalahan kedua atau yang berikutnya, didenda tidak melebihi dua puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

### **Gangguan terhadap tanda rasmi**

**48.** Mana-mana orang yang tanpa kuasa membuka, mengubah, memecahkan, mengalihkan atau memadamkan apa-apa tanda, ikatan atau lak yang diletakkan oleh seorang pegawai diberi kuasa menurut peruntukan Akta ini pada apa-apa makanan haiwan atau bahan tambahan makanan haiwan atau, pada apa-apa bungkusan, tempat, pintu atau bukaan yang mengandungi atau membolehkan akses kepada makanan haiwan atau bahan tambahan makanan haiwan itu melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga bulan atau kedua-duanya, dan bagi kesalahan kedua atau yang berikutnya, didenda tidak melebihi dua puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

### **Halangan terhadap pegawai diberi kuasa dalam melaksanakan tugasnya**

**49.** Mana-mana orang yang menghalang atau mengamang mana-mana pegawai diberi kuasa dalam melaksanakan tugasnya di bawah Akta ini melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga bulan atau kedua-duanya, dan bagi kesalahan kedua atau yang berikutnya, didenda tidak melebihi dua puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

### **Kerahsiaan**

**50.** (1) Kecuali bagi maksud Akta ini atau bagi maksud mana-mana prosiding jenayah di bawah Akta ini, tiada pegawai diberi kuasa boleh mendedahkan apa-apa maklumat yang berhubungan dengan apa-apa perkara yang diperolehnya semasa menjalankan tugasnya dan yang tidak disiarkan dalam mana-mana *Warta* menurut Akta ini.

(2) Mana-mana pegawai diberi kuasa yang dengan disedarinya melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga bulan atau kedua-duanya, dan bagi kesalahan kedua atau yang berikutnya, didenda tidak melebihi dua puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

### **Bidang kuasa untuk membicarakan kesalahan**

**51.** Walau apa pun mana-mana undang-undang bertulis yang berlawanan, Mahkamah Majistret hendaklah mempunyai bidang kuasa untuk membicarakan mana-mana kesalahan di bawah Akta ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawah Akta ini, dan mengenakan hukuman penuh bagi mana-mana kesalahan itu.

### **Pendakwaan**

**52.** Tiada pendakwaan bagi kesalahan di bawah Akta ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawah Akta ini boleh dimulakan kecuali oleh atau dengan keizinan bertulis Pendakwa Raya.

### **Kuasa untuk membuat peraturan-peraturan**

**53.** (1) Menteri boleh, selepas berunding dengan Lembaga, membuat apa-apa peraturan yang perlu atau suai manfaat bagi maksud melaksanakan peruntukan Akta ini.

(2) Khususnya, dan tanpa menjejaskan keluasan subseksyen (1), peraturan-peraturan boleh dibuat bagi maksud yang berikut:

- (a) untuk menetapkan kelayakan, kelakuan dan tugas juruanalisis;
- (b) untuk menetapkan semua perkara yang berhubungan dengan permohonan, pembaharuan, penggantungan dan pembatalan lesen untuk mengimport makanan haiwan atau bahan tambahan makanan haiwan;

- (c) untuk menetapkan terma, syarat dan sekatan bagi lesen untuk mengimport makanan haiwan atau bahan tambahan makanan haiwan;
- (d) untuk menetapkan semua perkara yang berhubungan dengan spesifikasi dan piawaian makanan haiwan dan membuat peruntukan untuk melaksanakan spesifikasi dan piawaian itu;
- (e) untuk menetapkan semua perkara yang berhubungan dengan pengangkutan, penstoran, penyimpanan, pelabelan dan pembungkusan makanan haiwan atau bahan tambahan makanan haiwan;
- (f) untuk menetapkan semua perkara yang berhubungan dengan penggunaan bahan tambahan makanan haiwan, antibiotik, hormon atau bahan kimia lain;
- (g) untuk mengawal selia pembuatan, penjualan, pengiklanan dan penggunaan makanan haiwan atau bahan tambahan makanan haiwan;
- (h) untuk menetapkan kaedah menganalisis makanan haiwan dan bentuk perakuan analisis;
- (i) untuk menetapkan makmal dan mengadakan peruntukan bagi fungsinya;
- (j) untuk menetapkan fi yang kena dibayar di bawah Akta ini;
- (k) untuk menetapkan kesalahan yang boleh dikompaun; dan
- (l) untuk memperuntukkan apa-apa perkara lain yang dimaksudkan oleh, atau perlu bagi melaksanakan sepenuhnya, peruntukan Akta ini dan untuk pentadbiran sewajarnya.

(3) Peraturan-peraturan yang dibuat di bawah subseksyen (2) boleh menetapkan apa-apa perbuatan yang melanggar peraturan-peraturan itu menjadi suatu kesalahan dan boleh menetapkan penalti denda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau pemenjaraan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya bagi kesalahan itu.

#### **Peruntukan peralihan**

**54.** (1) Mana-mana orang yang, pada tarikh permulaan kuat kuasa Akta ini, sedang mengimport makanan haiwan atau bahan tambahan

makanan haiwan dan berhasrat untuk terus mengimport makanan haiwan atau bahan tambahan makanan haiwan hendaklah, dalam tempoh enam bulan dari tarikh permulaan kuat kuasa Akta ini, memohon untuk mendapatkan lesen di bawah seksyen 10.

(2) Apabila diterima suatu permohonan di bawah subseksyen (1) Lembaga hendaklah mengeluarkan pengakuteraan kepada orang itu.

(3) Apabila sesuatu permohonan untuk mendapatkan lesen ditolak, Lembaga hendaklah menghantar suatu notis kepada pemohon memberitahu pemohon mengenai penolakan itu dan notis itu hendaklah juga mengarahkan pemohon untuk memberhentikan pengimportan makanan haiwan atau bahan tambahan makanan haiwan dalam tempoh yang dinyatakan dalam notis itu.

(4) Mana-mana orang yang disebut dalam subseksyen (1) yang terkilan dengan keputusan Lembaga untuk enggan mengeluarkan lesen untuk mengimport makanan haiwan atau bahan tambahan makanan haiwan boleh merayu kepada Menteri di bawah seksyen 15.

(5) Mana-mana orang yang disebut dalam subseksyen (1) boleh terus mengusahakan aktiviti itu sementara menunggu penentuan permohonannya untuk mendapatkan lesen atau rayuannya kepada Menteri.

#### HURAIAN

Akta Makanan Haiwan 2008 ("Akta yang dicadangkan") sebagaimana yang dicadangkan oleh Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk mengawal selia kualiti makanan haiwan bagi memastikan makanan haiwan yang berkualiti bagi haiwan supaya haiwan dan keluaran haiwan selamat bagi makanan manusia atau kegunaan manusia; dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara-perkara yang bersampingan dengannya.

#### BAHAGIAN I

2. Bahagian I mengandungi perkara permulaan.

3. *Fasal 1* mengandungi tajuk ringkas dan pemakaian dan bertujuan untuk membenarkan Menteri untuk menetapkan tarikh permulaan kuat kuasa Akta yang dicadangkan.

4. *Fasal 2* mengandungi takrif beberapa ungkapan yang digunakan dalam Akta yang dicadangkan.

## BAHAGIAN II

5. Bahagian II mengandungi peruntukan yang berhubungan dengan Lembaga Makanan Haiwan ("Lembaga").

6. *Fasal 3* bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi penubuhan Lembaga dan keanggotaan Lembaga.

7. *Fasal 4* memperkatakan fungsi dan kuasa Lembaga.

8. *Fasal 5* bertujuan untuk membolehkan Lembaga menubuhkan jawatankuasa untuk menasihati dan membantu Lembaga dalam melaksanakan fungsinya dan menjalankan kuasanya.

9. *Fasal 6* bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi perwakilan fungsi dan kuasa Lembaga kepada suatu jawatankuasa.

10. *Fasal 7* bertujuan untuk memberi Menteri kuasa untuk memberikan arahan kepada Lembaga.

11. *Fasal 8* bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi mesyuarat Lembaga.

## BAHAGIAN III

12. Bahagian III Rang Undang-Undang mengandungi peruntukan pelesenan untuk mengimport makanan haiwan dan bahan tambahan makanan haiwan.

13. *Fasal 9* bertujuan untuk melarang pengimportan makanan haiwan atau bahan tambahan makanan haiwan tanpa lesen dan memberi Menteri kuasa untuk membuat perintah bagi melarang pengimportan makanan haiwan atau bahan tambahan makanan haiwan dari mana-mana negara atau wilayah jika makanan haiwan atau bahan tambahan makanan haiwan itu mungkin membawa penyakit atau menjejaskan kesihatan haiwan atau manusia.

14. *Fasal 10* menghendaki supaya apa-apa permohonan bagi lesen untuk mengimport makanan haiwan atau bahan tambahan makanan haiwan hendaklah dibuat kepada Lembaga.

15. *Fasal 11* bertujuan untuk memberi Lembaga kuasa untuk enggan untuk mengeluarkan lesen dalam hal keadaan tertentu.

16. *Fasal 12* mengandungi peruntukan tentang pembaharuan lesen.

17. *Fasal 13* bertujuan untuk melarang pemindahmilikan sesuatu lesen.

18. *Fasal 14* bertujuan untuk memberi Lembaga kuasa untuk menggantung atau membatalkan sesuatu lesen dalam hal keadaan tertentu.

19. *Fasal 15* bertujuan untuk membenarkan mana-mana orang yang terkilan dengan keputusan Lembaga untuk merayu kepada Menteri.

20. *Fasal 16* bertujuan untuk memberi mahkamah kuasa untuk memerintahkan pembatalan sesuatu lesen sebagai tambahan kepada penalti lain yang dikenakan selepas sabitan mana-mana kesalahan di bawah Akta yang dicadangkan.

BAHAGIAN IV

21. Bahagian IV memperkatakan spesifikasi dan syarat bagi penyimpanan, penstoran, pembungkusan, pelabelan dan pengangkutan yang sepatutnya bagi makanan haiwan.

22. *Fasal 17* bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi kewajipan untuk mematuhi spesifikasi makanan haiwan.

23. *Fasal 18* bertujuan untuk menghendaki mana-mana orang yang menyimpan, menstor, membungkus, melabel atau mengangkut apa-apa makanan haiwan atau bahan tambahan makanan haiwan untuk mematuhi syarat yang ditetapkan bagi penyimpanan, penstoran, pembungkusan, pelabelan dan pengangkutan yang sepatutnya bagi makanan haiwan atau bahan tambahan makanan haiwan.

BAHAGIAN V

24. Bahagian V memperkatakan kawalan antibiotik, hormon dan bahan kimia lain dalam makanan haiwan.

25. *Fasal 19* bertujuan untuk melarang mana-mana orang menggunakan apa-apa antibiotik, hormon atau bahan kimia lain secara langsung atau tidak langsung pada haiwan melainkan jika ia mengikut cara dan pada takat yang ditetapkan. *Fasal* ini membenarkan mana-mana orang membubuh ke dalam makanan haiwan atau memasukkan secara langsung atau tidak langsung ke dalam haiwan, apa-apa antibiotik, hormon atau bahan kimia lain pada tahap yang lebih tinggi daripada tahap yang ditetapkan jika kebenaran diberikan oleh doktor veterinar bagi maksud rawatan bagi pengawalan atau pembasmian penyakit sahaja.

26. *Fasal 20* melarang mana-mana orang daripada memiliki apa-apa makanan haiwan yang mengandungi antibiotik, hormon atau bahan kimia lain yang pencampurannya tidak dibenarkan oleh Akta yang dicadangkan atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawah Akta yang dicadangkan.

BAHAGIAN VI

27. Bahagian VI mengandungi peruntukan yang berhubungan dengan penguatkuasaan, penyitaan, dsb.

28. *Fasal 21* bertujuan untuk memberi Menteri kuasa untuk melantik pegawai diberi kuasa bagi maksud menjalankan kuasa penguatkuasaan di bawah Akta yang dicadangkan.

29. *Fasal 22* memperuntukkan bahawa setiap pegawai diberi kuasa di bawah *fasal 21* hendaklah dikeluarkan kepadanya suatu kad kuasa dan hendaklah apabila diminta mengemukakan kad kuasa itu.

30. *Fasal 23, 24, 25, 26* dan *28* bertujuan untuk memperuntukkan kuasa pegawai diberi kuasa untuk menangkap tanpa waran dalam suatu hal tertentu, kuasa untuk mengegedah dan menyita dengan atau tanpa waran, kuasa untuk memasuki premis dan kuasa untuk memberhentikan dan mengegedah pengangkut di bawah Akta yang dicadangkan.

31. *Fasal 27* bertujuan untuk membolehkan seseorang pegawai diberi kuasa untuk mempunyai akses kepada data berkomputer.

32. *Fasal 29* bertujuan untuk mengenakan kewajipan ke atas pegawai diberi kuasa untuk menyediakan senarai benda yang disita.

33. *Fasal 30* mengadakan peruntukan mengenai kuasa pegawai diberi kuasa untuk menyiasat mana-mana kesalahan di bawah Akta yang dicadangkan dan bahawa pegawai diberi kuasa mempunyai segala kuasa penyiasatan yang diperuntukkan di bawah Kanun Tatacara Jenayah.

34. *Fasal 31* memperuntukkan bahawa pegawai diberi kuasa boleh meminta bantuan untuk memeriksa benda yang berkaitan dengan kesalahan.

35. *Fasal 32* bertujuan untuk memberi pegawai diberi kuasa kuasa untuk meminta, memilih, mengambil atau mendapatkan sampel apa-apa makanan haiwan atau bahan tambahan makanan haiwan untuk dianalisis.

36. *Fasal 33* bertujuan untuk memberi Menteri kuasa untuk menetapkan makmal.

37. *Fasal 34* bertujuan untuk memberi Menteri kuasa untuk melantik juruanalisis untuk menjalankan analisis ke atas apa-apa makanan haiwan atau bahan tambahan makanan haiwan.

38. *Fasal 35* bertujuan untuk memperkatakan perakuan analisis.

39. *Fasal 36* memperuntukkan bahawa bagi maksud pengujian makanan haiwan atau bahan tambahan makanan haiwan yang disita adalah mencukupi untuk menguji suatu sampel yang tidak melebihi lima peratus jumlah atau berat makanan haiwan atau bahan tambahan makanan haiwan itu.

40. *Fasal 37* memperuntukkan bahawa tiada kos atau ganti rugi yang berbangkit daripada penyitaan apa-apa benda pada menjalankan kuasa atau yang berupa sebagai menjalankan apa-apa kuasa di bawah Akta yang dicadangkan boleh didapatkan dalam mana-mana prosiding di hadapan mana-mana mahkamah melainkan jika penyitaan itu dibuat tanpa sebab yang munasabah.

41. *Fasal 38* bertujuan untuk memberi Lembaga kuasa untuk menghendaki apa-apa maklumat yang berhubungan dengan makanan haiwan atau bahan tambahan makanan haiwan.
42. *Fasal 39* memperuntukkan bagi pelepasan atau pelupusan apa-apa benda yang disita di bawah Akta yang dicadangkan.
43. *Fasal 40* memperuntukkan bahawa benda yang disita di bawah Akta yang dicadangkan boleh dilucuthakkan. Jika tiada pendakwa, /asa/ ini menyatakan tatacara bagi mahkamah untuk menentukan sama ada benda yang disita itu akan dilucuthakkan atau dilepaskan kepada orang yang berhak kepadanya.

BAHAGIAN VII

44. Bahagian VII Rang Undang-Undang mengandungi peruntukan am.
45. *Fasal 41* memperkatakan kesalahan yang dilakukan oleh pekongsi, ejen atau pekhidmat.
46. *Fasal 42* memperkatakan kesalahan yang dilakukan oleh pertubuhan perbadanan.
47. *Fasal 43* bertujuan untuk melarang mana-mana orang daripada mengingkari apa-apa perintah yang sah yang dikeluarkan oleh Menteri, Lembaga atau pegawai diberi kuasa.
48. *Fasal 44* bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi perlindungan maklumat dan pemberi maklumat.
49. *Fasal 45* bertujuan untuk melindungi mana-mana anggota Lembaga, juruanalisis, pegawai diberi kuasa atau mana-mana orang lain yang bertindak dengan suci hati di bawah Akta yang dicadangkan daripada apa-apa prosiding undang-undang.
50. *Fasal 46* bertujuan untuk memberi pegawai diberi kuasa kuasa untuk mengkompaun kesalahan.
51. *Fasal 47* menjadikan suatu kesalahan bagi mana-mana orang memberikan atau membuat maklumat atau pernyataan palsu.
52. *Fasal 48* menjadikan suatu kesalahan bagi mana-mana orang mengganggu tanda rasmi.
53. *Fasal 49* menjadikan suatu kesalahan bagi mana-mana orang menghalang pegawai diberi kuasa dalam melaksanakan tugasnya.
54. *Fasal 50* melarang pegawai diberi kuasa daripada menzahirkan apa-apa maklumat yang diperolehnya semasa menjalankan tugasnya kepada mana-mana orang.
55. *Fasal 51* memperuntukkan bidang kuasa kepada Mahkamah Majistret untuk membicarakan kesalahan di bawah Akta yang dicadangkan.

56. *Fasal 52* memperuntukkan bahawa tiada pendakwaan bagi mana-mana kesalahan di bawah Akta yang dicadangkan boleh dimulakan kecuali oleh atau dengan keizinan bertulis Pendakwa Raya.

57. *Fasal 53* bertujuan untuk memberi Menteri kuasa untuk membuat peraturan-peraturan selepas berunding dengan Lembaga.

58. *Fasal 54* memperkatakan peruntukan peralihan. Menurut kuasa peruntukan ini, mana-mana orang yang sedang mengusahakan aktiviti pengimportan makanan haiwan atau bahan tambahan makanan haiwan hendaklah membuat suatu permohonan untuk mendapatkan lesen dalam tempoh enam bulan dari tarikh permulaan kuat kuasa Akta yang dicadangkan.

*IMPLIKASI KEWANGAN*

Rang Undang-Undang ini akan melibatkan Kerajaan dalam perbelanjaan wang tambahan yang amaunnya belum dapat ditentukan sekarang ini.

[PN(U<sup>3</sup>)2220]